

Kenyataan Media
Untuk Siaran Segera

RAPID KL LANJUT WAKTU OPERASI REL DAN BAS TERPILIH SEMPENA AMBANG TAHUN BARU 2024

- **Pengguna Disaran Guna Kad Touch N Go Bagi Kelancaran Perjalanan**

KUALA LUMPUR, 29 Disember 2023 - Bersempena sambutan ambang tahun baru 2024 yang bakal tiba pada hari Ahad 31 Disember 2023, perkhidmatan rangkaian rel dan bas Rapid KL akan dilanjutkan waktu operasinya bagi memenuhi keperluan warga kota yang menghadiri sambutan itu di sekitar pusat bandar.

Lanjutan operasi ini melibatkan 12 stesen rel transit aliran ringan (LRT), transit aliran masa (MRT) dan Monorel KL; 3 Stesen *Bus Rapid Transit* (BRT) dan 21 laluan bas Rapid KL dan perantara MRT.

Stesen-stesen LRT, MRT, Monorel dan BRT yang dilanjutkan waktu operasi sehingga jam 1.30 pagi adalah seperti berikut;

- **Laluan Kelana Jaya:** KLCC, Masjid Jamek
- **Laluan Ampang/Sri Petaling:** Masjid Jamek, Bandaraya, IOI Puchong Jaya, Maluri
- **Laluan Monorel:** Bukit Bintang
- **Laluan Kajang:** Bukit Bintang, TRX, Cochrane, Maluri
- **MRT Laluan Putrajaya:** TRX
- **BRT Laluan Sunway:** Sunway Lagoon, SunMed, SunU-Monash

Stesen-stesen lain akan menamatkan operasi seperti biasa, bagaimanapun penumpang masih boleh keluar dari stesen berkenaan bagi meneruskan perjalanan. Semua stesen pertukaran rel turut dilanjutkan operasi bagi membolehkan penumpang meneruskan perjalanan ke destinasi akhir.

Sementara itu, beberapa laluan bas Rapid KL yang terpilih juga akan melanjutkan waktu perkhidmatan hingga 1.30 pagi adalah seperti berikut :

NO.	LALUAN	DARI	DESTINASI
1	173	Taman Jasa Utama	Lebuh Ampang
2	190	Desa Sri Hartamas	Lin Ho Jln Lekiu
3	250	Stesen LRT Wangsa Maju	Lebuh Ampang
4	772	Subang Suria Mah Sing	Hab Pasar Seni
5	LRT10	LRT Masjid Jamek	LRT Bandaraya
6	400	Damai Perdana	Hab Lebuh Pudu melalui Bukit Bintang
7	450	Hentian Kajang	Hab Lebuh Pudu
8	590	Bandar Sungai Long	Hab Lebuh Pudu
9	600	Puchong Utama	Hab Pasar Seni
10	640	Hab Bas Sri Manja	Hab Pasar Seni
11	300	Hab Pandan Indah	Lebuh Ampang
12	303	Taman Mulia Jaya	Lebuh Ampang
13	751	Taman Sri Muda	Hab Pasar Seni

Bagi perkhidmatan Bas Perantara MRT, laluan yang terlibat adalah :

NO.	LALUAN	DARI	DESTINASI
1	T460	Stesen MRT Stadium Kajang	Bandar Teknologi
2	T803	Stesen MRT Kwasa Sentral	Subang Suria
3	T101	Stesen MRT Sungai Buloh	Bukit Rahman Putra
4	T102	Stesen MRT Sungai Buloh	Aman Putri
5	T103	Stesen MRT Damansara Damai	Sutera Damansara
6	T407	Stesen MRT Tun Razak Exchange	Taman Maluri / Desa Pandan
7	T504	Stesen MRT Cyberjaya Utara	Cyber 11
8	T509	Stesen MRT Putrajaya Sentral	Presint 16

Penumpang disaran menggunakan kad Touch n Go bagi menikmati perjalanan yang lebih lancar dan mengelakkan kesesakan ketika masuk dan keluar stesen atau ketika menaiki bas. Bagi pengguna token, anda digalakkan untuk membeli token pergi dan balik sebelum keluar dari stesen.

Rapid KL akan menambah bilangan anggota dan kakitangan operasi bagi menyokong keperluan operasi dan membantu melancarkan perjalanan anda. Bagi keselesaan pengguna, kekerapan tren bagi semua perkhidmatan LRT, MRT dan Monorel akan ditambah bermula jam 1.00 petang pada hari tersebut sehingga tamat waktu operasi.

Rapid KL menyarankan warga ibu kota untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam pada hari tersebut bagi mengelak daripada terperangkap di dalam kesesakan lalulintas terutamanya berdekatan kawasan-kawasan yang akan menganjurkan acara sempena tahun baru.

Sebarang makluman lanjut orang ramai boleh mengikuti Twitter dan Facebook MyRapidKL atau melayari web: www.myrapid.com.my.

#Tamat#

Dikeluarkan oleh Prasarana Malaysia Berhad. Sebarang pertanyaan media sila hubungi pengawai hal ehwal media Prasarana, En Mohd Sofian Hilmi di talian 0194601110.